

h2.jpg (9052 bytes)

Syaaban/Ramadhan 1419 Disember 1998

Tahun 2 Bilangan 4

Tanda ISTERI DERHAKA

Kita jangan keliru, apabila wanita disebut sebagai isteri, bukanlah untuk merendahkan taraf wanita itu. Ia adalah sebagai suatu jaminan hak supaya mereka itu dipelihara, dilindungi dan dibela dengan baik oleh suami.

Seorang isteri tentulah mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap suami. Tanggungjawab ini adalah suatu perkara yang serius dan tidak boleh diabaikan. Isteri yang mengabaikannya senang mendapat laknat dan dikhuatiri termasuk ke dalam kategori isteri derhaka.

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah Radhiallahu 'Anha bermaksud:

"Aku pernah bertanya kepada Baginda: "Siapakah orang yang paling berhak ke atas isteri ?" Baginda menjawab:"Orang yang paling berhak kepada isteri ialah suaminya". Kemudian aku bertanya lagi : "Dan siapakah orang yang paling berhak ke atas suami?" Baginda menjawab:"Orang yang paling berhak ke atas seorang suami ialah ibu kandungnya."

(Riwayat Bazar dan al-Hakim)

Dalam sebuah hadis yang lain pula Baginda bersabda bermaksud: "Sekiranya aku dibenarkan untuk memerintahkan seseorang bersujud kepada orang lain nescaya aku perintahkan seorang isteri bersujud kepada suaminya."

(Riwayat Tirmizi dan Ibnu Hibban)

Jika ada para isteri yang tidak menunaikan tanggungjawabnya kepada suami dengan sebaik-baiknya, dan menganggap tanggungjawab terhadap suami itu hanya membebankan dan menyusahkan dirinya, maka isteri yang sedemikian itu dikhuatiri termasuk di dalam kategori isteri yang menderhaka atau nusyuz.

Apakah ciri atau tanda isteri yang derhaka itu? Ini perlu diketahui semata-mata untuk dijadikan langkah waspada agar para isteri terhindar daripadanya. Berikut diketengahkan antara ciri atau tanda isteri derhaka:

Tidak mensyukuri kebaikan yang dilakukan suami

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bermaksud: "Aku lihat api neraka, tidak pernah aku melihatnya seperti hari ini, kerana ada pemandangan yang dahsyat di dalamnya. Telah aku saksikan kebanyakan ahli neraka ialah wanita. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ditanya: "Mengapa demikian ya Rasulullah?" Baginda menjawab: "Wanita mengkufurkan suaminya dan mangkufurkan ihsannya. Jikalau engkau berbuat baik kepadanya seberapa banyak pun dia masih belum merasa berpuas hati dan merasa cukup."

(Riwayat al-Bukhari)

Dalam hadis yang lain Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda bermaksud:

"Kebanyakan ahli neraka adalah terdiri daripada kaum wanita." Maka menangislah mereka dan bertanya salah seorang daripada mereka: "Mengapa terjadi demikian, adakah kerana mereka berzina atau membunuh anak atau kafir?" Baginda menjawab: "Tidak, mereka ini ialah mereka yang menggunakan lidah menyakiti hati suami dan tidak bersyukur akan nikmat yang disediakan oleh suaminya."

(Riwayat Muslim)

Ibnu 'Asakir pula menyebut: "Apabila seorang isteri berkata kepada suaminya, aku belum pun melihat atau merasa nikmat pemberian daripadamu, maka ketika itu gugurlah segala pahala amalan kebajikannya."

Menyakiti hati suami

Isteri yang suka menyakiti hati suami akan menerima balasan buruk sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam: "Seorang wanita menyakiti suaminya, maka isterinya yang bidadari itu berkata: Janganlah kamu menyakitinya semoga Allah mengutukmu, kerana dia (suami) itu disampingmu hanyalah sebagai orang asing yang akan berpisah denganmu menuju kami."

(Riwayat Ibnu Majah)

Puasa sunat tanpa keizinan suami

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam: "Tidak boleh seorang isteri mengerjakan puasa sunat, jika suaminya ada dirumah, serta tidak dengan izinnya dan tidak boleh memasukkan seorang lelaki ke rumahnya dengan tidak izin suaminya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Keluar rumah tanpa izin suami

"Apabila perempuan keluar rumah, sedangkan suaminya membencinya, dia dilaknat oleh semua malaikat di langit, dan semua apa yang dilaluinya selain daripada jin dan manusia sehingga dia kembali."

(Diriwayatkan oleh Thabarani di dalam al-Awsat)

Meminta cerai daripada suami

Sabda Rasulullah sallallahu 'Alaihi Wasallam bermaksud:

"Mana-mana isteri yang meminta suaminya menceraikannya dengan tiada sebab yang dibenarkan oleh syara' haram baginya bau syurga."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

Isteri yang tidak menunaikan hajat suami

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam:

"Apabila memanggil suami akan isterinya ke tempat tidur, tetapi ditolaknyanya sehingga marahlah suaminya, maka akan tidurlah wanita itu di dalam laknat malaikat sehingga ke pagi."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Demikian sebahagian daripada ciri-ciri atau tanda isteri derhaka dan balasan buruk yang akan diterima di akhirat nanti. Semoga ianya akan memberikan manfaat dan kesedaran bagi kita semua, khususnya kaum isteri.

Ciri-Ciri Isteri Derhaka.....

Perkara yang menjadikan isteri penderhaka kepada suami :

- Menghalang suami dari bersuka-suka dengan dirinya sama ada untuk jimak atau menyentuh mana-mana bahagian tubuhnya.
- Keluar rumah tanpa izin suami sama ada suami ada di rumah ataupun tidak.
- Keluar rumah untuk belajar ilmu yang bukan fardu ain.
- Enggan mengikut suami berpindah.
- Mengunci pintu atau tidak membenarkan suami masuk ke rumah.
- Bermasam muka ketika berhadapan dengan suami.
- Minta diceraikan suami.
- Bercakap kasar atau lambat menyahut (menjawab) pertanyaan suami.
- Berpaling atau membelakangi suami ketika bercakap.
- Menyakiti hati suami sama ada dengan perkataan atau perbuatan.
- Meninggalkan tempat tidur.
- Membenarkan masuk ke rumah orang yang tidak disukai suami.

SYARAT-SYARAT PERCERAIAN

Perceraian adalah satu perkara yang mengikut kehendak fitrah manusia. Sebab itulah kita tidak boleh menghalang orang yang hendak bercerai. Dan memang tidak patut diadakan satu-satu peraturan yang menghalang orang yang hendak bercerai. Umpamanya, diadakan hukuman penjara atau denda RM1,000.00 dan sebagainya kepada seseorang yang bercerai itu. Begitu juga diadakan undang-undang yang menghendaki seseorang itu membuat permohonan lebih dahulu kepada pihak-pihak tertentu sebelum bercerai.

Di dalam Al Quran banyak ayat-ayat yang menceritakan tentang hal perceraian, tidak ada satu ayat pun yang Allah berkata melarang perceraian dengan maksud, "jangan kamu bercerai....." Dan Rasulullah saw juga tidak melarang orang bercerai malah kata Rasulullah bahawa bercerai itu halal. Tidak pernah Rasulullah saw mengatakan bahawa bercerai itu haram.

Di dalam ayat-ayat yang menceritakan tentang perceraian, Allah swt telah dengan jelasnya mengatur bagaimana seseorang itu hendak bercerai. Ini menunjukkan bahawa bercerai itu boleh tetapi hendaklah mengikut tertib-tertibnya serta kaedah-kaedahnyanya. Dan kalau tidak betul cara dan kaedahnyanya, maka barulah berdosa.

Walau bagaimana, ada jugalah Rasulullah berkata dengan maksud, "Perkara halal yang sangat Allah swt benci ialah talak." Artinya, cerai itu tetap halal tetapi Allah swt benci. Cuma benci yang dimaksudkan oleh Rasulullah ini bukan pada cerai itu tetapi ada masadan ketikanya serta ada sebab-sebabnya.

Ada 5 hukum yang mengawal seseorang yang hendak bercerai itu. Kalau seseorang itu melanggar hukum-hukum dan perintah Allah disegi hendak bercerai, maka patut sekali orang yang hendak bercerai itu dihukum. Sebab itulah, apabila seseorang itu hendak bercerai ataupun sudah bercerai, maka hendaklah disiasat dia baik-baik. Kalau sekiranya di dapat seseorang suami itu menceraikan isterinya dengan tidak mengikut hukum-hukum syariat, suami itu boleh didenda atau dihukum dengan hukuman yang berat, tetapi hari ini tidak berlaku seperti itu. Adapun 5 hukum yang mengawal perceraian ialah cerai wajib, sunat, haram, makruh dan cerai harus. Seorang suami yang melakukan cerai haram ke atas isterinya, suami itu patut sekali dihukum. Begitu juga suami yang melakukan cerai makruh, dia juga patut dihukum kerana Allah swt benci kepada perbuatan makruh. manakala suami yang melakukan cerai sunat, wajib dan sertaharus, tidak patut sekali di hukum.

Bagaimanakah yang dikatakan haram bercerai? Seorang suami yang hendak menceraikan isterinya yang masih adahaidnya iaitu yang pernah

disetubuhinya, yang ketikadia menceraikan isterinya itu, isterinya sedangkedatangan haid. Atau jatuh haram juga cerai seorangsuami ke atas isterinya, apabila suami itu menceraikanisterinya tadi setelah suami mendukhul isterinyasewaktu isterinya telah suci.

Kemudian, bagaimana yang dikatakan cerai makruh?Seorang isteri itu taat kepada suaminya, sentiasamemberikan layanan yang baik, isteri sayang kepadasuaminya dan suami pun sayang kepadanya malahkedua-duanya selalu bergurau-gurau danbermesra-mesra.. Tetapi dengan tidak semena-mena, suami menceraikannya kerana sebab-sebab yang lemahalasanya. Contoh alasan yang lemah, suami hendakkahwin lagi satu, suami ceraikan isteri. Adapun ceraiyang semacam inilah yang dikatakan bergoncangnya'Arasy. Dan inilah yang dinamakan cerai yang dimurkaioleh Allah.

Bagaimanakah yang dikatakan cerai harus? Cerai iniialah cerai yang kalau dilakukan tidak apa-apa dankalau tidak dilakukan pun tidak apa-apa juga. Ertinya,cerai pun boleh dan tidak cerai pun boleh.

Berlakunya cerai harus boleh jadi dalam banyakkeadaan. Satu contoh yang boleh berlakunya cerai harusialah seorang lelaki itu berkahwin dengan seorangperempuan yang dia tidak pernah lihat rupanya. Dantidak langsung kenal kepada perempuan itu, cuma diapercaya saja kepada orang yang memilhkan jodohnya.Setelah dia akad dan di waktu malamnya lelaki itumenghampir isterinya, dia lihat isterinya telalu hodohsangat hingga patah hatinya hendak mendekati isterinyaitu. ketika itu, dia diharuskan bercerai.

Begitu juga bagi pihak isteri, dia juga boleh memintacerai kalau sekiranya apabila dia telah kahwin, diamendapati yang suaminya terlalu hodoh, malas mandi,bau busuk dan sebagainya. Ini pernah berlaku di zamanRasulullah di mana seorang isteri datang mengadukepada Rasulullah menceritakan yang suaminya cukuphodoh, gemok, pendek dan kulitnya hitam. Mukanya jugabegitu buruk. Isteri itu menceritakan kepadaRasulullah batapa kalau dia tidak fikirkan ajaranIslam, pasti dia akan ludah muka suaminya itu. "Sayabimbang sungguh ya Rasulullah, takut-takut sayadurhaka pada suami saya itu." Kemudian Rasulullahberkata, "Kamu hendak ceraikah?" Kata perempuan itu, "Benar ya Rasulullah." Jawab Rasulullah, Boleh kamubercerai.

Jadi, boleh bercerai samada bagi suami atau isterikalau berlaku keadaan yang demikian. Kalau berlakukepada isteri, dia boleh pergi kepada suaminya danpulangkan balik mas kahwin yang diberikannya dahulusabagai tanda meminta cerai. Di sini menunjukkanbahawa isteri juga boleh meminta cerai sepertimanasuami juga boleh menceraikan isterinya. Isteri-isterijuga ada kuasa cerai di tangannya sepertimana suamijuga ada kuasa cerai di tangannya, bila berlakukeadaan harus seperti di atas.

Kemudian, bilakah yang dikatakan sunat bercerai. Iniiialah apabila isteri didapati berkelakuan tidak baik. Kelakuan yang tidak baik itu ialah, mungkin isteri itu bergegas dengan seorang lelaki lain. Atau pun isteri selalu keluar ke pasar, ke sana sini dan sebagainya sedangkan suami tidak mengizinkannya. Atau kelakuan isteri terhadap suaminya selalu berang, kasar dan tidak tenang. Atau isteri itu durhaka kepada suami. Di waktu itu, sunat bagi suami menceraikannya iaitu tidak pula berdosa kalau suami tidak menceraikannya. Tetapi, kalau suami merasakan hendak mendapat pahala, maka suami itu boleh menceraikan isterinya itu.

Walau bagaimana pun, isteri-isteri yang telah didapati durhaka ataupun nusyuz ini, suami tidak lekas-lekas menceraikannya. Ada syarat-syarat bagaimana hendak menceraikan isteri yang telah durhaka dalam kategori cerai sunat ini. Kalau suami telah mendapati yang isterinya itu sudah tidak berkelakuan baik lagi, maka hendaklah dia dinasihati lebih dahulu. Kalau sekiranya suami tidak boleh menasihatinya, suami boleh meminta nasihat kadi.

Setelah nasihat diberikan dan didapati masih tidak adakesannya, maka isteri itu boleh ditinggalkan. Nabipernah meninggalkan isterinya selama 40 hari kerana isterinya meragam. Tetapi setelah ditinggalkan pun, masih lagi suami mendapati tidak memberi apa-apa kesenangan, suami boleh balik ke rumah dan pukul isterinya. Cuma pukul yang dibenarkan ialah pukul sebagai memberipengajaran, bukan pukul untuk menyiksa atau mendera isteri. Jangan tampar ke mukanya tetapi hendaklah gunakan alat seperti rotan yang kalau suami pukul pun, hanya memberi isteri sakit saja. Kemudian tidak boleh dipukul hingga berdarah. Kalau dengan memukul itu, isteri tidak boleh berubah, bolehlah suami memilih menceraikannya.

Dan akhir sekali, bagaimana yang dikatakan cerai wajib. Adapun cerai wajib ini boleh berlaku dalam banyak keadaan. Kadang-kadang ia berlaku berbangkit dari aduan isteri terhadap suami yang berlaku durhaka ke atas isteri seperti memukul isteri tanpa sebab atau suami yang tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai suami. Adapun tanggungjawab seorang suami ke atas isterinya ada 4 iaitu memberi nafkah, memberi tempat tinggal dan kalau suami mempunyai lebih dari satu isteri, memberi giliran yang adil. Kalau salah satu daripada tanggungjawab atau tidak dilaksanakan oleh suami, isteri boleh mengadu pada kadi. Cuma, isteri janganlah terus meminta cerai saja kerana adatindakan-tindakan yang boleh di ambil terhadap suami nusyuz atau durhaka.

Umpamanya, kalau suami tidak memberi nafkah kepada isteri, kalau sabit kesalahannya, maka kadi boleh memaksa suami memberi nafkah itu atau kadi boleh merampas hartanya dan menjualkannya dan wangnya boleh diserahkan kepada isteri atau isteri boleh berhutang dan kadi boleh memaksa suami membayarnya.

Kalau berlaku lain-lain bentuk kezaliman dari suami keatas isteri, isteri boleh mengadu kepada pihak kadi. Suami tersebut akan dipanggil dan kemudian diberinasihati. Setelah suami dipanggil dan suami pulamenafikan segala pengaduan isteri. Suami mengatakan kepada kadi yang isterinya yang bersalah. Dalam padaitu pula, isteri juga tetap berkeras mengatakan yang suaminya yang bersalah. Keadaan ini boleh diselesaikan dengan kadi melantik seorang 'sikhah' untuk menyiasatnya. Apabila telah disiasat, keputusan yang tepat tidak juga diperolehi, malah keadaan rumahtangga jadi semakin meruncing. Ketika itu kadi boleh melantik satu orang wakil dari kedua belah keluarga iaitu dari pihak suami dan dari pihak isteri. Mereka ditugaskan menyiasat dengan teliti, siapakah yang sebenarnya zalim. Tetapi, setelah disiasat oleh wakil kedua pihak keluarga, didapati keadaan rumahtangga itu masih jugatidak tenang, malah bertambah runcing lagi.

Pada masa itu, kadi boleh mengarahkan kuasa membericerai kepada wakil keluarga suami dan isteri menyerahkan supaya menerima talak kalau sekiranya dikehendaki tebus talak kepada wakil keluarga isteri. Inilah yang dinamakan wajib cerai.

Di dalam masalah perceraian yang berlaku antara suami dan isteri ini, elok jugalah seseorang itu mengetahui serba sedikit tentang rukun talak. Ia adalah terdiri dari 5 perkara. Pertama sighthat atau lafaz talak. Kedua mahal atau tempat yang hendak ditalak si isteri. Ketiga ialah wilayah atau kuasa ke atas isteri. Keempat ialah kasad atau apa yang diniatkan bagi lafaz talak itu. Dan kelima ialah suami.

Adapun yang dikatakan sighthat atau lafaz tadi ialah lafaz yang menyatakan perceraian atau perpisahan. Ia ada dua iaitu pertama lafaz sarih atau lafaz yang nyata atau terang-terang yang menyebut kalimah talak. Kedua lafaz kinayah atau lafaz sindiran iaitu menyebut kalimah cerai atau talak tidak secara terang-terang.

Bagaimanakah boleh jatuh talak pada seorang isteri itu secara lafaz sarih? Seorang suami berkata kepada isterinya, "Aku talakkan engkau!" atau "Aku ceraikan engkau!" atau "Hai orang yang kena talak!" dan sebagainya. Apabila kalimah ini disebut kepada isteri samada dalam perkelahan atau pun tidak, maka jatuhlah talak. Jatuhnya talak dengan menyebut kalimah yang terang-terang begini, samada suami berniat atau pun tidak berniat demikian, kedua suami isteri itu sudah bercerai.

Kadangkala di dalam perkelahan, lafaz talak yang disebut terang-terang itu berlaku dengan tidak sengaja sedangkan suami masih sayang isterinya. Oleh yang demikian, kalau sekiranya lafaz talak itu baru kali pertama atau kali kedua, suami boleh rujuk kembali kepada isterinya seketika itu juga. Cukuplah dengan suami tadi melafazkan, "Aku rujuk

kembali kepadaengkau” atau “Aku kembali kepada isteriku.” Cuma yangtidak boleh rujuk kembali ialah apabila berlaku talaktiga.

Ada setengah orang kata, apabila berlaku talak tiga, suami boleh rujuk kembali isterinya setelahdihakwinkan dengan orang lain dan kemudiandiceraikannya dengan jalan “Cinabuta”. Di dalam syariat Islam, perbuatan merujuk kembali isteri yangtelah ditalak tiga, tidak boleh dengan cara “Cinabuta”ini, kalau ia amat dilarang. Rasulullah saw sendiri pernah bersabda:

“Rasulullah saw mengutuk orang-orang yang membuatMuhlil (Cinabuta) dan begitu juga kepada orang yang menyuruh membuat Cinabuta itu (suami yang pertama).”

Lafaz kinayah atau lafaz sindiran ialah dengan menyatakan perceraian atau talak tidak secara terang-terang. Jatuhnya talak ke atas isteri boleh jadi samar-samar atau boleh jadi meragukan. Kerana, lafaz sindiran atau lafaz kinayah ini boleh diertikan dengan maksud perceraian ikatan perkahwinan ataupun dengan maksud lain. Katalah seorang suami berkata kepada isterinya, “Pulanglah engkau ke rumah orang tuamu” atau “Engkau boleh hidup bebas” atau “pergilah engkau dari sini.” Kata-kata sindiran seperti ini bergantung kepada niat suami mengeluarkan perkataan tadi. Kalau sekiranya, suami menyuruh isterinya pulang saja kepada orang tuanya dengan tidak diniatkan untuk menceraikan isteri, maka tidaklah jatuh talak. Tetapi, kalau diniatkan hendak bercerai, maka jatuhlah talak.

Jadi, lafaz sindiran atau lafaz kinayah dalam menjatuhkan talak ini hendaklah diketahuinya sungguh-sungguh. Bahayanya adalah amat besar kerana kalau sabit perceraian antara suami isteri itu, maka hiduplah keduanya di dalam perhubungan yang tidak halal. Seluruh zuriat yang dihasilkan adalah zuriat haram.

Terdapat banyak masalah yang timbul di dalam memahami lafaz cerai secara kinayah ini. Di antara masalah yang timbul ialah dalam menentukan samada jatuh atau tidaknya talak bagi seorang isteri itu dalam berbagai-bagai keadaan dan situasi tertentu. Katalah seorang suami mengeluarkan kata-kata, “Aku haramkan engkau bagi diriku” Atau “Aku haramkan pipi engkau bagiku” Atau “Aku haramkan tanganmu bagi aku” dan sebagainya. Apakah dalam keadaan tersebut dengan lafaz itu, jatuh talak bagi isterinya. Jawapannya, kalau suami meniatkan untuk menceraikan isterinya, maka suami hendaklah membayar kifar. Firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah swt telah mewajibkan kepada kamu sekalian membebaskan diri dari sumpahmu (iaitu apabila seseorang bersumpah mengharamkan sesuatu yang halal, wajiblah dia membebaskan dirinya atas sumpahnya itu dengan membayar kifar).”

Jadi suami dan isteri hendaklah tahu benar-benar tentang kedudukan talak. Kalau tidak tahu dan tidak pula mahu bertanya kepada kadi dan sebagainya, ditakuti jika sabit jatuh talak, akibatnya perhubungannya adalah perhubungan zina.

Kemudian, rukun talak yang kedua ialah mahal iaitu tempat yang hendak ditalak. Mahal ini tentulah isteri. Dan isteri itu hendaklah sebenar-benar isterinya, walaupun isteri itu masih di dalam iddah kerana isteri yang di dalam iddah adalah di bawah kuasa suami lagi.

Adapun mahal atau tempat yang hendak dijatuhkan talak iaitu isterinya, ia memberi erti apa saja pada isteri. Setiap jujuk anggota pada isterinya itu adalah mahal atau tempat yang hendak ditalak. Oleh itu, kalau sekiranya suami mengatakan, "Aku talak telinga kamu" atau "aku talak kaki kamu" dan sebagainya, maka sabit jatuhnya talak. Kecuali jujuk yang suami sebutkan itu bukan merupakan sebahagian anggotanya seperti air liur atau peluhnya.

Rukun talak yang ketiga ialah kuasa di atas isteri atau yang dikatakan wilayah. Hendaklah isteri itu milik kepada suami yang mentalak. Kalau bukan milik suami, maka perempuan itu bukan dikatakan wilayah. Adapun kuasa talak itu adalah pada isteri yang dimilikinya, walaupun isteri yang di dalam iddah. Rukun talak yang keempat ialah kasad atau niat pada talak. Maksudnya di sini ialah, lafaz yang digunakan untuk mentalak isteri adalah dengan niat hendak menceraikannya. Dalam erti kata yang lain, lafaz yang diucapkan adalah diniatkan untuk cerai. Niat menjatuhkan talak isteri ini akan jatuh talaknyawalaupun di dalam bergurau senda. Kata lah suami berkata di dalam majlis bersama kawan-kawannya, "Aku ceraikan isteri aku". Hukumnya jatuh talak.

Rukun talak yang kelima ialah syarat pada suami yang mentalak. Hendaklah suami itu suami yang mukallaf, yang siuman iaitu tidak mabuk dan tidak gila. Orang yang tidak siuman akalnya, apabila suami berkata "Aku ceraikan kamu" kepada isterinya, tidak jatuh talak.

Begitu juga syarat pada suami untuk menceraikan isteri mestilah bukan kerana dipaksa seperti dipaksa oleh ayah atau kaum keluarga untuk menceraikan isteri. Cerai yang dipaksa atau yang digagah, hukumnya tidak jatuh talak.

Demikianlah lima rukun yang mengawal hukum talak. Ini hendaklah kita ambil perhatian sungguh-sungguh agar kita dapat menjadikan panduan di dalam kita bergaul dengan isteri. Terutama yang mesti kita faham benar-benar ialah tentang lafaz dan niat. Kadang-kadang secara tidak kita sedari, isteri kita sudah tercerai kerana kurangnya pengetahuan dan pengertian kita dalam bidang ini. Mudah-mudahan ini akan menjadi panduan kita

AZAB SEORANG ISTERI DERHAKA KPD SUAMINYA.....

Mar 28,

'07 9:04 AM

for everyone

Kisah ni agak panjang sedikit, seorang sahabat telah share cite ngan sy. Anyway, take Ur time

b'coz it really2 good story.

Lama benar saya tidak berjumpa dengan Ariffin. Rasanya sudah lebih tujuh tahun sejak kawan lama saya itu di arahkan mengajar di Johor. Kerana itulah, apabila dia datang ke pejabat saya pagi itu, saya merasa terlalu seronok.

" Eh, makin kurus nampak. Diet ke ?" kata saya setelah mempersilakannya duduk. " Tak adalah... biasa la cikgu, kan sekarang ni macam-macam kerja. Kurikulumlah, kokurikulumlah, sukanlah... badan gemuk pun boleh jadi tinggal tulang," balas Ariffin. "Tengok ni ustaz, baju pun dah menggelebeh. Seluar pun longgar," tambah Ariffin sambil menarik lengan baju untuk menunjukkan betapa kurusnya dia dan besarnya baju yang di pakai. Selepas bertanya itu ini dan mengusiknya serba sedikit, saya bertanya Ariffin tentang hajatnya datang menemui saya. Yalah, tiba-tiba saja muncul, pasti ada hajat yang hendak di sampaikan.

" Orang rumah saya sakitlah, ustaz ", kata Ariffin. " Patutlah aku tengok engkau lain macam aja tadi. Ketawa pun hendak tak hendak. Sakit apa ?" saya bertanya. Agak lambat Ariffin menjawab. Dia menarik nafas, kemudian meraup muka dan seterusnya bersandar di kerusi. Setelah itu di sorotnya mata saya dalam-dalam.

" Entahlah..." katanya perlahan, "lima tahun lalu tiba-tiba saja badan dia melepuh-lepuh. Di kaki, paha, perut, dibelakang... penuh dengan lepuh macam orang terkena air panas, " kata Ariffin. Tambah kawan lama saya itu, dia telah membawa isterinya, Niza, ke serata hospital dan klinik, namun ubat yang di beri oleh doctor tidak dapat melegakan penyakitnya. " Sakit apa, doctor pun tak tau," tambahnya.

"Dah pergi berubat kampung?" saya bertanya. "Dah, tapi macam biasalah... bomoh, cakap kena buat orang, terceroboh kawasan orang bunian., sampuk... macam-macam lagi. Duit banyak habis, masa terbang, tapi sakitnya tak juga sembuh," jelas Arifin. Malah, kata kawan saya itu, lepuh-lepuh menjadi bertambah banyak pula hingga tubuh isterinya yang langsing menjadi sembab.

Wajahnya yang cantik juga berubah murung, kusut " Itu masih tak mengapa ustaz. Yang menambahkan kebimbangan saya, setelah beberapa lama, lepuh-lepuh itu bertukar pula jadi gerutu dan berbintil-bintil macam katak puru," tambah Arifin. Akibatnya, sekali lagi Niza menderita kerana selepas tubuhnya hodoh akibat sembab, seluruh kulitnya yang dulu licin menjadi jelik. Dari tangan, bintil-bintil kecil dan besar seperti bisul tumbuh merata, kaki hingga ke muka. Di sebabkan penyakit itu, kawan-kawan yang datang melawat terkejut kerana hampir tidak mengenalinya lagi.

Akibatnya, Niza terpaksa berhenti kerja. Dia malu untuk berhadapan dengan kawan sepejabat. Memang ada yang bersimpati tapi ada juga yang mengejek. Kebanyakannya menyindir di belakang, tapi ada juga yang tanpa rasa bersalah mengaibkannya secara berhadapan. Dua tiga tahun berlalu, penyakit Niza bertambah parah. Sehelai demi sehelai rambutnya gugur hingga hampir botak. Rambut yang lembut mengurai menjadi jarang hingga menampakkan kulit kepala yang memutih. Keadaannya itu sangat menyedihkan kerana usia awal 30 an, rambutnya seperti wanita berumur 90 an.

Seperti daun getah luruh di musim panas, semakin hari semakin banyak rambut Niza gugur. Dalam waktu yang sama, kuku tangan dan kakinya juga menjadi lebam. Daripada biru, ia bertukar kehitaman seperti di penuh darah beku.

" Tiap hari, dia termenung. Dia mengeluh, kenapalah dia sakit macam ni. Kenapa dia, bukan orang lain? Apa salah dia? Kasian betul saya tengok," kata Arifin. Wajahnya sayu " Hidup kami pun jadi tak terurus macam dulu".

Di sebabkan doctor tempatan gagal menyembuhkan penyakit Niza, Arifin membawa isterinya ke Singapura. Hampir sebulan mereka di sana dan banyak wang di habiskan namun pulang dengan hati kecewa. Doktor di negara itu juga tidak dapat mencari penawar keadaan penyakit berkenaan.

" Sekarang ni, keadaan isteri saya dah bertambah teruk. Bila malam saja dia meraung, meracau dan menangis-nangis. Jadi, saya harap ustaz dapatlah tolong serba sedikit sebab dah habis ikhtiar

saya mengubatnya cara moden," tambah Arifin.

"Insyallah....' Balas saya. Tapi saya mula terasa pelik. Perasaan ingin tahu mula bercambah kerana berdasarkan pengalaman, kata-kata yang diluahkan semasa seseorang yang meracau dapat membantu kita merawatnya. Ini kerana semasa meracau itulah dia meluahkan segala yang terbuku di hati.

"Apa yang dia cakap masa meracau tu ?" " Macam-macam ustaz... tapi ada waktunya dia minta ampun maaf daripada saya. Saya tanya kenapa ?. Dia tak cakap, Cuma minta maaf saja. Yalah... orang dah sakit memang macam tu," kata Arifin. Saya Cuma mendiamkan diri. Mengiakan tidak, menggeleng pun tidak.

Setelah berbincang lama, dia meminta diri . Sebelum pulang, saya berjanji untuk kerumah Arifin pada malam esoknya. " Datang ya, ustaz . Saya tunggu," katanya sambil mengangkat punggung.

Dia kemudiannya melangkah lemah meninggalkan pejabat saya. Seperti yang di janjikan, saya sampai ke rumahnya selepas isyak. "Jemput masuk ustaz," Arifin memperlawakan sambil membawa saya ke sebuah bilik. "Dia baring dalam bilik ni. Ustaz jangan terkejut pula tengok muka dia. Orang rumah saya ni sensitif sikit," bisiknya sebelum kami masuk ke bilik berkenaan.

Sebaik pintu di buka, kelihatan seorang wanita berselimut paras dada terbaring mengiring mengadap ke dinding. " Za... ni Ustaz Nahrawi datang," kata Arifin perlahan sambil memegang bahu isterinya. Dengan lemah, Niza menoleh. Masya-Allah memang keadaan Niza sangat menyedihkan . Wajahnya penuh dengan bintil-bintil yang menggerutu. Matanya terperosok ke dalam manakala tulang pipi membojol seperti bongkah batu yang membayang di permukaan tanah. Badannya pula kurus cengkung dan kepala separuh botak menandakan dia sudah lama menderita.

Niza Cuma tersenyum tawar memandang saya. Saya dekati dia dan selepas lima minit meneliti keadaannya, saya panggil Arifin ke sudut bilik. Dengan suara separuh berbisik, saya bertanya; " Pin , saya nak tanya sikit, tapi sebelum tu minta maafalah kalau nanti awak tersinggung ".

" Tak adalah ,ustaz. Tanyalah, saya tak kisah," jawab Arifin. " Err,...dari mana datangnya bau yang..." soal saya, tapi tak sanggup nak menghabiskannya. Bau yang saya maksudkan itu agak busuk. " Ooo... mmm, dari alat sulit dia," kata Arifin perlahan. "Keluar lendir bercampur nanah." Saya tidak memanjangkan lagi topik itu kerana tidak mahu memalukan Arifin dan isterinya. Lagi pun tidak manis untuk bertanya tentang hal-hal yang seperti itu.

Sebelum kami duduk semula di sisi Niza, saya memberitahu Arifin, kadangkala di timpa penyakit sebegini sengaja di turunkan balasan oleh Allah kerana ada melakukan dosa atau derhaka kepada ibu atau bapa. Lantas saya bertanya, adakah Niza sudah meminta ampun daripada ibu bapanya. " Sudah ustaz. Dengan emak dan ayah nya saya pun sudah." " Kalau macam tu, baguslah," kata saya.

Setelah merawat Niza dengan doa dan ayat yang dipetik dari al-Quran, saya meminta diri. Sebelum itu saya nasihatkan Arifin dan Niza serta keluarga mereka supaya bersabar dengan ujian Allah.

" Sama-samalah kita berdoa supaya dia sembuh," kata saya sebelum meninggalkan rumah Arifin. Sudah ketentuan Allah, rupa-rupanya keadaan Niza menjadi bertambah parah. Perkara ini saya ketahui apabila Arifin menghubungi saya beberapa minggu kemudian. Menurut kawan saya itu, isterinya kini kian teruk racaunya.

Memang benar. Bila saya menziarahnya petang itu, Niza kelihatan semakin tenat. Sekejap-sekejap dia meracau yang bukan-bukan. Malah saya pun tidak dikenalnya lagi.

Sebelum pulang saya menasihatkan Arifin supaya melakukan solat hajat memohon ke hadrat Ilahi supaya menyembuhkan isterinya. Nasihat saya itu dipatuhi namun beberapa hari kemudian Arifin menalifon lagi.

Kali ini suaranya lebih sedih, seperti hendak menangis. " Ustaz," katanya, " sekarang barulah saya tau kenapa dia jadi macam tu" "Kenapa ?" pantas saya bertanya. " Sejak dua tiga malam lepas, dia minta ampun daripada saya dan ceritakan segala-galanya". Arifin menyambung ceritanya; Malam itu saya terkejut sebab semasa meracau isteri saya minta ampun kerana telah mengenakan ilmu kotor kepada saya. Kata Niza, dia telah memasukkan darah haid dan air maninya ke dalam makanan saya. Saya tanya "kenapa ?" Dia jawab , supaya ikut kata-katanya dan tak cari perempuan lain.

" Tambah saya kesal, selepas itu dia meminta ampun pula kerana telah berlaku curang kepada saya. Kata Niza, dia lakukan perbuatan tu selepas saya di tundukkan dengan ilmu hitam.

" Saya tanya, masa bila awak buat ? Dia jawab semasa ketiadaan saya, tidak kira lah semasa saya bertugas di luar daerah. Semasa keluar seorang diri, dia telah membuat hubungan sulit dengan beberapa lelaki.

" Niza sebutkan nama lelaki-lelaki itu, tapi saya tak kenal. Kata Niza, hubungan mereka bukan setakat kawan saja, malah sudah ke tahap buat hubungan seks. Kerana itu dia minta berbanyak-banyak ampun daripada saya. Dia minta saya maafkan.

" Saya tak sangka betul, ustaz. Madu yang saya beri, racun yang dibalasnya. Patutlah selama ini bila berdepan dengan dia saya jadi hilang pertimbangan.

Saya jadi lemah, rasa diri saya kerdil, takut nak membantah. Sudahlah begitu, dia jadi perempuan...." Kata Arifin tanpa sanggup menghabiskan kata-katanya.

Termenung saya mendengar ceritanya itu. Tidak saya sangka Niza sanggup berkelakuan demikian kerana Arifin bukan orang sebarangan. Arifin berpelajaran agama dan setia kepada isterinya. Budi bahasa pun elok.

" Kalau sudah begitu bunyinya, saya rasa awak maafkanlah dia," kata saya. Selain itu saya

mencadangkan kepada Arifin supaya merelakan isterinya pergi.

Kata saya, mungkin nyawa isterinya itu terlalu sukar meninggalkan jasad kerana dia mahukan keampunan daripada suaminya terlebih dahulu. " Lagipun, dia sudah terlalu menderita, sampai badan tinggal tulang, kepala pun dah nak botak. Doktor pula sudah sahkan penyakit dia tidak dapat disembuhkan lagi. Jadi, pada pandangan saya, daripada dia terus azab menanggung seksaan sakaratulmaut, adalah lebih baik kalau awak relakan saja dia pergi. Saya tau ia susah nak di buat, tapi keadaan memaksa."

" Ampunkan dia ?" Arifin bertanya balik. " Dia dah derhaka dengan saya, buat tak senonoh dengan lelaki lain, kenakan ilmu sihir kepada saya, ustaz mau saya maafkan dia ?" tingkah Arifin dengan suara yang agak keras.

Mungkin dia terkejut. " Ya... dia pergi dengan aman dan awak pula dapat pahala," jelas saya.

Saya terus memujuknya supaya beralah demi kebaikan isterinya. Saya katakan, yang lepas itu lepaslah. Lagi pun Niza sudah mengaku dosanya, jadi adalah lebih baik Arifin memaafkannya. Mungkin dengan cara itu Niza akan insaf dan meninggal dengan mudah.

" Takkan awak nak biarkan dia menderita ? Awak nak pukul dia ? Maki dia? Tak ada gunanya... Maafkan saja dia dengan hati yang benar-benar ikhlas," jelas saya.

Setelah puas memujuk, akhirnya Arifin mengalah juga. Lalu saya nasihatkan supaya dia bacakan surah Yasin tiga kali dan ulangkan ibu Yasin(salaamun qaulam mirrabir rahim) sebanyak tujuh kali.

" Buat malam ni juga. Lepas itu tunaikan solat," kata saya. Seminggu kemudian Arifin menelefon saya. Dengan sedih beliau memaklumkan isterinya sudah meninggal dunia. Tambah kawan saya itu, Niza pergi tanpa sesiapa sedari kerana ketika itu dia sedang menunaikan solat Isyak. Bila kembali, dia lihat isterinya tidak bernyawa lagi.

" Tapi alhamdulillah, sebelum pergi dia sempat minta ampun daripada saya sekali lagi kerana menderhaka. Marah, memang marah, tapi bila dia pegang tangan saya sambil menangis dan kemudian minta ampun, tidak sanggup juga rasanya untuk membiarkan dia pergi dalam keadaan tanpa kemaafan daripada saya. Ustaz, saya dah ampunkan dia."

Namun demikian, kata Arifin, lendir dan nanah busuk masih lagi mengalir daripada alat kelamin Allahyarham isterinya itu sehinggalah mayatnya dikebumikan.

Kepada wanita, kutiplah pengajaran dari cerita ini. Kepada lelaki, hati-hatilah dalam memilih isteri, jgn pandang hanya pada rupa.

WALLAHUALLAM.....tuk membangunkan sebuahkeluarga bahagia yang diredhai oleh Allah swt.